

BAB 3

LATARBELAKANG ORGANISASI

1.0 PENGENALAN

Bab ini akan menfokuskan latarbelakang organisasi tempat penyelidikan ini dijalankan. Ia membincangkan secara ringkas latarbelakang Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dengan memberi penekanan terhadap latarbelakang umum dan latihan di kementerian tersebut.

2.0 LATARBELAKANG ORGANISASI

Bahagian ini akan membincangkan latarbelakang umum KPLB termasuklah objektif, piagam pelanggan, misi organisasi, fungsi umum, program utama dan pendekatan utama organisasi.

2.1 Latarbelakang Umum Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Kementerian ini telah diperkenalkan pada 17 November 1959, di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia. Kementerian ini kemudiannya telah dimansuhkan pada bulan Disember 1976. Walau bagaimanapun, pada 18 Julai 1981, kementerian ini diwujudkan semula.

Objektif utama kementerian ini semasa awal penubuhannya ialah sebagai strategi kerajaan untuk mendekatkan diri dengan rakyat. Namun begitu, objektif ini sering berubah seiring dengan perkembangan masa. Objektif umum KPLB pada masa ini adalah untuk menggalakkan usaha-usaha pembangunan dan pemodenan sektor luar bandar sejajar dengan objektif pembangunan peringkat kebangsaan sebagaimana termaktub di dalam Dasar Wawasan Negara.

Sepertimana kementerian-kementerian yang lain, KPLB juga mempunyai beberapa agensi di bawahnya. Agensi-agensi di bawah kementerian ini terbahagi kepada dua iaitu agensi utama pembangunan tanah dan agensi Lembaga Kemajuan Wilayah. Agensi utama pembangunan tanah terdiri daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Keeil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA Berhad). Lima buah agensi Lembaga Kemajuan Wilayah pula ialah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Wilayah Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Terengganu Tengah (KETENGAI).

Agenzi-agensi seperti Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Jabatan Pertanian Sarawak pula mendapat peruntukan di bawah kementerian ini. Sementara itu, Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Pahang (LKPP), Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNEP) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) diletakkan di bawah pengawasan KPLB.

Di ibu pejabat KPLB yang terletak di Putrajaya, terdapat beberapa bahagian dan unit di bawahnya. Di bawah struktur baru KPLB, bahagian atau unit berkenaan ialah Bahagian Prasarana, Utiliti dan Ameniti Sosial, Bahagian Pembasmian Kemiskinan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Kewangan, Belanjawan dan Perolehan, Bahagian Pentadbiran Am, Bahagian Teknologi Maklumat dan Infodesa, Bahagian Pemantauan dan Inspektorat, Bahagian Ekonomi Desa, Bahagian Wilayah dan Kawasan, Bahagian Pelaburan dan Anak Syarikat, Bahagian Perancangan Strategik, Unit Khidmat Teknikal, Unit Perundingan dan Unit Audit Dalam.

2.2 Objektif Kementerian

Terdapat beberapa perkara yang telah dimaktubkan sebagai kelompok objektif KPLB iaitu:

1. meningkatkan pendapatan penduduk desa ke tahap lapan puluh peratus daripada penduduk bandar;
2. mewujudkan desa berkualiti (Desa Q);
3. mewujudkan tiga puluh peratus penduduk desa terlibat dalam aktiviti keusahawanan;
4. mewujudkan masyarakat berilmu dan berkemahiran;
5. mempercepatkan pelaksanaan konsep dan program pembangunan bersepadu;
6. meningkatkan kesejahteraan masyarakat desa;
7. mencapai liputan seratus peratus prasarana asas, utiliti dan infrastruktur; dan

8. memastikan penduduk desa mendapat seratus peratus manfaat teknologi maklumat dan komunikasi.

2.3 Piagam Pelanggan

Piagam pelanggan KPLB pula berbunyi seperti berikut:

“Sebagai mendokong hasrat dan objektif kementerian untuk menggalakkan usaha-usaha pembangunan dan pemodenan ke arah sektor luar bandar yang maju, menarik dan menguntungkan, kami berjanji:

1. memberi perkhidmatan perancangan dan pengawasan pelaksanaan program atau projek luar bandar supaya menepati dasar-dasar kerajaan dan memberi maklumbalas kepada agensi-agensi pusat mengikut jadual yang ditetapkan;
2. memberi pengetahuan dan kemahiran kepada masyarakat luar bandar dalam bidang sosial, ekonomi dan politik agar bersikap lebih positif untuk menerima perubahan;
3. memberi kemudahan infrastruktur yang mencukupi kepada penduduk luar bandar;
4. memberi latihan dan kursus untuk meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti pengurusan sumber manusia di kementerian dan agensi;
5. memberi perkhidmatan bimbingan, bantuan dan memupuk pengusaha dan bakal pengusaha luar bandar yang berpotensi dan berdaya maju dengan berkesan untuk mencapai matlamat pengujudan calon-calon Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berdikari dan kompetitif;

6. memberi perkhidmatan perancangan dan pengawalan kewangan yang berkualiti dan berakauntabiliti ; dan
7. memberi perkhidmatan yang cekap, tepat, saksama dan mesra.”

2.4 Misi

Di samping objektif dan Piagam Pelanggan, kementerian ini juga mempunyai misinya yang tersendiri. Misi kementerian ini adalah berusaha untuk mewujudkan pembangunan masyarakat luar bandar yang mapan, berdaya tahan, berinisiatif, maju dan produktif, sejahtera, harmoni dan memiliki nilai etika moral yang murni serta utuh dengan pemilikan tahap ekonomi, mental, pendidikan, kekeluargaan dan mempunyai kualiti hidup sesuai dengan status negara maju.

2.5 Fungsi Umum Kementerian

Terdapat beberapa fungsi umum yang dimainkan oleh kementerian ini. Fungsi-fungsi umum tersebut telah digariskan seperti berikut:

1. meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar melalui usaha pembangunan infrastruktur, pembangunan pertanian, penggalakan industri luar bandar, pembangunan pusat pertumbuhan luar bandar dan pembangunan wilayah-wilayah mundur;

2. merancang, melaksana dan mengesan dasar pembangunan tanah termasuk usaha-usaha penempatan semula penduduk, penyatuan dan pemulihian tanah serta penanaman semula;
3. menyediakan perkhidmatan pembangunan masyarakat bagi mewujudkan kesedaran dan membawa perubahan sikap di kalangan penduduk luar bandar untuk berkecimpung secara aktif dalam usaha-usaha pembangunan ke arah pembentukan masyarakat progresif;
4. memoden dan menyusun semula kampung-kampung tradisional menjadi pusat-pusat pertumbuhan baru; dan
5. mengurangkan kemiskinan rakyat terutama di kawasan luar bandar melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat.

2.6 Program Utama KPLB

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, KPLB telah menjalankan pelbagai bentuk program. Namun begitu, terdapat program-program utama yang telah digariskan dan program-program tersebut adalah seperti berikut:

1. pembangunan sumber manusia;
2. pembangunan prasarana dan utiliti;
3. pembangunan perbandaran desa, pusat-pusat pertumbuhan dan kampung tradisional;
4. pembangunan tanah dan ekonomi pertanian;
5. pembangunan perindustrian luar bandar;

6. pelaburan, penswastaan, koperasi dan persyarikatan Malaysia; dan
7. pembasmian kemiskinan.

Pembangunan sumber manusia bertujuan mempertingkatkan jati diri dan nilai murni di kalangan masyarakat luar bandar. Untuk melengkapkan usaha ini, pelbagai agensi pembangunan telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program-program di bawah pentadbirannya. Antara agensi-agensi tersebut ialah Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Institut Kemajuan Desa (INFRA) dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).

Pembangunan prasarana pula meliputi bekalan air, bekalan elektrik dan jalan ke kawasan-kawasan luar bandar, projek menaik taraf jalan kampung dan projek jalan di Lembaga Kemajuan Wilayah. Dalam menjayakan usaha ini, sejumlah peruntukan khas telah disediakan bagi tujuan tersebut.

Pembangunan perbandaran desa, pusat pertumbuhan dan kampung tradisional meliputi skop yang agak besar. Ia merangkumi program perbandaran di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah, bandar-bandar baru dan pusat pertumbuhan. Ia juga merangkumi program pusat pertumbuhan desa dan penempatan semula kampung tradisional.

Program pembangunan tanah dan ekonomi pertanian pula dilaksanakan bagi membangunkan tanah-tanah baru dan tanah milik individu. Ia juga bagi membangunkan tanah-tanah terbiar melalui program pemulihan dan penyatuan tanah. Program ini

dilaksanakan oleh pelbagai agensi Lembaga Kemajuan Tanah dan Lembaga Kemajuan Wilayah. Agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam peranan ini ialah RISDA, FELCRA Berhad, agensi-agensi Lembaga Kemajuan Wilayah dan agensi-agensi pertanian negeri.

Bagi pembangunan perindustrian luar bandar, terdapat empat program utama di bawah program tersebut. Program-program tersebut adalah latihan dan khidmat nasihat, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa, pemasaran dan promosi serta infrastruktur industri desa. Terdapat pelbagai program yang dijalankan di bawah setiap program-program utama tersebut.

Pelbagai usaha telah dibuat bagi menjayakan pelaburan, penswastaan, koperasi dan pensyarikatan Malaysia. Usaha-usaha telah dibuat bagi meningkatkan prestasi pelaburan agensi melalui anak syarikat, pembangunan koperasi, pelaburan anak syarikat di dalam pelbagai sektor, bekerjasama dengan pihak swasta dan mengadakan program BAKTIDESMA.

Sejak tahun 2002, kerajaan telah melaksanakan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) bagi tujuan pembasmian kemiskinan. Skim ini merupakan lanjutan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Seiring dengan pelaksanaan program yang bertujuan meningkatkan pendapatan golongan termiskin, kerajaan meneruskan pelaksanaan program-program yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.

Secara umumnya, kesemua program utama kementerian ini adalah untuk membangunkan kawasan luar bandar dan memperbaiki taraf hidup penduduk luar bandar.

2.7 Pendekatan Utama Pembangunan Luar Bandar

Terdapat dua pendekatan utama pembangunan luar bandar iaitu Falsafah dan Strategi Pembangunan Luar Bandar dan Gerakan Daya Wawasan.

i) Falsafah dan Strategi Pembangunan Luar Bandar

Penggubalan Falsafah dan Strategi Pembangunan Luar Bandar adalah lanjutan kepada program-program pembangunan yang telah dilaksanakan sebelum ini dengan mengambil kira matlamat yang hendak dicapai oleh Dasar Pembangunan Nasional dan Wawasan 2020. Pelaksanaannya yang bermula sejak tahun 1996 mempunyai fokus untuk menangani apa jua perubahan yang berlaku.

Terdapat tujuh inisiatif yang telah digariskan dalam menceapai Falsafah dan Strategi Pembangunan Luar Bandar iaitu:

1. inisiatif pembangunan manusia yang cemerlang;
2. inisiatif pembangunan keluarga yang sejahtera;
3. inisiatif pembangunan masyarakat yang beridentiti dan berdaya tahan;
4. inisiatif penyediaan infrastruktur yang berkualiti;
5. inisiatif pembangunan ekonomi yang mapan;

6. inisiatif penyediaan sistem penyampaian yang berkesan; dan
7. inisiatif pewujudan rangka kerja institusi yang responsif kepada perubahan.

Kesemua inisiatif ini dijayakan melalui mekanisma-mekanisma yang tertentu. Ia merupakan satu usaha bagi menjadikan kawasan luar bandar lebih produktif, maju, menarik dan menguntungkan.

ii) Gerakan Daya Wawasan

Gerakan ini telah dilancarkan pada 26 Julai 2003 di Stadium Putra, Bukit Jalil. Gerakan Daya Wawasan merupakan sintesis strategik dan penambahbaikan daripada dua pendekatan utama pembangunan luar bandar iaitu Hala Cara Baru Pembangunan Luar Bandar dan Gerakan Desa Wawasan.

Pelaksanaan Gerakan Daya Wawasan melibatkan 13,000 buah kampung yang mempunyai JKKK, termasuk 3,300 buah kampung yang diperkenalkan dalam Gerakan Desa Wawasan. Pelaksanaannya digerakkan melalui perkongsian bijak yang melibatkan pihak kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Pelaksanaannya juga melibatkan penggembelingan 8.83 juta penduduk luar bandar ke arah individu yang cemerlang, keluarga yang sejahtera, masyarakat yang beridentiti dan berdaya tahan.

3.0 LATIHAN DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Bahagian ini akan membincangkan latihan di kementerian ini dengan merangkumkannya di bawah latihan secara umum dan pelaksanaan kursus berpenganjuran bagi tahun 2003.

3.1 Latihan Secara Umum

Kementerian ini telah menjalankan pelbagai program latihan sepanjang tahun. Secara amnya, latihan boleh dikategorikan kepada empat iaitu:

1. pengurusan dan kewangan;
2. teknologi komunikasi dan maklumat (ICT);
3. pembangunan luar bandar dan penghapusan kemiskinan; dan
4. etika dan moral.

KPLB amat menitik beratkan latihan kepada semua kakitangannya. Sehubungan dengan itu, terdapat dasar yang menggariskan bahawa setiap kakitangan diberi peluang untuk mengikuti kursus atau latihan selama 15 hari dalam setahun atau mengikuti empat kursus setahun. Ia bertujuan untuk memberi peluang yang sama rata kepada kakitangan bagi mendapatkan kemahiran dan pengetahuan yang sewajarnya.

Pada asasnya, latihan yang diberikan di kementerian ini meliputi tiga bentuk latihan iaitu:

- 1) latihan berkaitan aplikasi tugas secara spesifik;
- 2) kursus yang berbentuk sokongan; dan
- 3) kursus yang berbentuk motivasi.

Jelas dapat dilihat bahawa KPLB merupakan sebuah kementerian yang amat mementingkan latihan kepada kakitangannya. Latihan yang diberi bukan sahaja meliputi aspek yang berkaitan dengan kerja sehari-hari, tetapi juga meliputi aspek-aspek sokongan yang akan membangunkan prospek kerjaya pekerja itu sendiri.

3.2 Pelaksanaan Kursus Secara Penganjuran Bagi Tahun 2003

Kementerian ini telah merancang pelbagai kursus atau latihan sepanjang tahun. Bagi tahun ini sahaja, pelbagai bentuk kursus telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan. Kursus pertama bagi tahun ini bermula pada 5 hingga 12 Mac iaitu Kursus Induksi Siri 1 Kumpulan Sokongan III. Bilangan peserta yang terlibat adalah seramai 43 orang dan telah dijalankan di Hotel Seri Malaysia Genting, Genting Highlands, Pahang.

Kursus seterusnya adalah Kursus Induksi Umum siri 3/2003. Kursus ini diadakan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan I. Kursus ini telah berlangsung dari 14 hingga 29 Mac 2003 di The Legend Resort Cherating, Kuantan.

Kursus ini telah disertai oleh 42 orang kakitangan dan merupakan anjuran bersama KPLB dan INTIM.

Pada 15 hingga 16 April, KPLB dan NPC telah menganjurkan Bengkel MS ISO 9001:2000 Siri 1/2003. Kursus yang memberi pendedahan mendalam tentang MS ISO 9001:2000 ini telah diadakan di INFRA dan disertai oleh 25 orang peserta. Bagi siri 2/2003, kursus yang sama diadakan pada 20 hingga 21 Mei 2003 yang melibatkan 10 orang peserta.

Bagi memperbaiki dan memperkuatkannya lagi penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan kakitangannya, KPLB dengan kerjasama UPM telah menganjurkan Kursus Bahasa Inggeris (Peringkat *Intermediate*). Kursus ini melibatkan 17 orang peserta dan telah dijalankan di INFRA. Kursus yang sama turut diadakan pada 19 hingga 23 Mei dan 26 hingga 30 Mei 2003 yang melibatkan 11 dan 14 orang peserta. Kursus peringkat asas pula telah diadakan pada 28 Julai hingga 2 Ogos 2003 dengan melibatkan 20 orang kakitangan.

Kursus Asas Perhubungan Awam (*Research Methodology*) telah diadakan di Hotel Grand Continental, Alor Setar selama 6 hari iaitu dari 23 hingga 28 Jun 2003. Seramai 40 orang kakitangan terlibat di dalam kursus ini. Kursus Asas Perhubungan Awam (*Presentation and Report Writing*) pula telah dijalankan selama 4 hari iaitu dari 28 hingga 31 Julai 2003.

Pada 6 hingga 8 Mei 2003, Kem KMK telah dijalankan di Lumut Country Resort, Lumut. Kem yang berlangsung selama 3 hari ini telah disertai oleh 31 orang peserta. Kem ini merupakan anjuran bersama KPLB dan NPC. Kem ini kemudiannya telah diikuti dengan Kursus on Balance Scorecard (KAPLAN) yang bermula pada 19 hingga 23 Mei 2003.

Kursus Induksi Umum Siri 4 Kumpulan Sokongan II telah diadakan pada 7 hingga 16 Julai 2003 manakala Siri 5 pula telah diadakan pada 4 hingga 13 Ogos 2003. Kursus induksi ini telah melibatkan 50 orang peserta bagi setiap siri kursus. Siri 4 telah diadakan di The Emperor Hotel, Melaka manakala Siri 5 pula telah diadakan di Genting Highlands.

Di samping itu, kursus Keselamatan Perlindungan (Asas Kawalan Dokumen) turut dijalankan oleh pihak kementerian. Siri pertama kursus ini telah dijalankan pada 3 hingga 5 Jun 2003 dengan penyertaan daripada 35 orang peserta di Batu Buruk Beach Resort. Siri kedua pula telah diadakan di The Emperor Hotel Melaka pada 15 hingga 17 Julai 2003.

Di sepanjang bulan Ogos, pihak kementerian menganjurkan Kursus Komputer yang melibatkan 25 orang peserta bagi setiap siri kursus. Kursus ini melibatkan 4 siri iaitu siri 1 hingga ke siri 4 dan dianjurkan oleh IKRAM. Selain itu, Kursus Induksi Umum Siri 5 Kumpulan Sokongan II juga turut diadakan pada bulan tersebut iaitu pada 4 hingga 13 Ogos dengan penyertaan seramai 50 orang kakitangan.

Selain kursus-kursus yang telah disebutkan, terdapat banyak lagi latihan dan kursus yang telah dirancang sehingga penghujung tahun ini. Antaranya Kursus Penilaian dan Pemantauan Projek, Kursus Pengurusan Hasil, Kursus Protokol dan Keterampilan Diri, Kursus Motivasi, Kursus Pengurusan Aset, Kursus Perundangan dan Pentadbiran Tanah serta beberapa siri kursus induksi dan bahasa Inggeris. Latihan-latihan atau kursus yang dilaksanakan di sini biasanya telah dirancang dengan teliti sejak dari awal tahun lagi.